

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi dengan pecahan komposisi kaum bagi setiap kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Perak setelah mengambil kira pendaftaran automatik bagi pemilih-pemilih berumur 18.

JAWAPAN**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan iaitu berhubung umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas seperti berikut:

Dewan Rakyat	16 Julai 2019
Dewan Negara	25 ulai 2019

2. Persiapan Persiapan yang sedang dibuat oleh SPR bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik adalah meliputi:

- (i) pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan;
- (ii) penyediaan *standard operating procedures* (SOP); dan
- (iii) penyediaan sistem serta infrastruktur.

3. Di samping itu, SPR juga telah mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik seperti berikut:

- (i) membuat semakan maklumat bakal pemilih;
- (ii) membuat semakan di lapangan yang melibatkan bakal pengundi berumur 90 tahun dan ke atas;
- (iii) semakan di lapangan ke atas alamat untuk memastikan penentuan bahagian pilihan raya yang tepat;

- (iv) sesi libat urus dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan;
- (v) program pendidikan pengundi kepada bakal pemilih; dan
- (vi) menyemak keperluan logistik bagi persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 yang akan datang

4. SPR sedang mengadakan proses Semakan Pra-Pendaftaran Pemilih Automatik (SPPA) sehingga 31 Oktober 2021. SPPA diadakan bertujuan memberi peluang kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas sehingga 31 Disember 2021 dan belum mendaftar sebagai pemilih untuk menyemak dan mengesahkan maklumat mereka dengan SPR sebelum didaftarkan sebagai pemilih secara automatik.

5. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan termasuklah menangani isu-isu yang berkaitan ini akan dapat diselesaikan dan seterusnya melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

6. Justeru, SPR tidak mempunyai maklumat jumlah pengundi bagi semua bahagian pilihan raya Parlimen di seluruh negara yang meliputi bakal pemilih berumur 18 tahun dan ke atas memandangkan nama bakal pemilih berumur 18 tahun dan ke atas ini masih dalam proses pra-pendaftaran pemilih dan belum diperaku mengikut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]**

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang akan disediakan untuk projek pemindahan Klinik Kesihatan Stesen 18 dan Klinik Ibu dan Anak Pengkalan Pegoh ke Taman Pengkalan Utama, Ipoh. Bilakah anggaran tarikh siap bagi projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM sedia maklum akan keadaan yang dihadapi di Klinik Komuniti Station 18 dan KKIA Pengkalan Pegoh serta keperluan sebuah klinik kesihatan bagi penduduk kawasan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian mempunyai kekangan untuk melaksanakannya kerana ketiadaan tanah yang sesuai bagi pembinaan sebuah klinik kesihatan.
2. Oleh itu, Kementerian telah berusaha untuk melaksanakan projek ini secara penyewaan 3 lot kedai pejabat yang terletak di No 2,4,6 Jalan Pengkalan Utama 5, Taman Pengkalan Utama. Rancangan awal untuk meroboh dan membina semula di tapak Klinik Kesihatan Ibu dan Anak tidak diteruskan kerana tapak sedia ada adalah kecil (kurang 1ekar).
3. Walaupun Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM400,000 bagi kos renovasi melalui Peruntukan Pembangunan Kesihatan Bandar (Naik Taraf Klinik Komuniti) pada tahun ini, ia tidak dapat diteruskan kerana tidak mendapat kelulusan daripada Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan menerusi surat bertarikh 1 Oktober 2021.
4. Sehubungan itu KKM akan meneliti semula cadangan tersebut dan mengenal pasti lot tanah yang sesuai bagi tujuan pembinaan sebuah klinik kesihatan. Cadangan pembinaan projek ini akan dimasukkan ke dalam RMK akan datang setelah perolehan tanah selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang dalam Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang telah diguna pakai setakat kini dan berikan pecahan jumlah penggunaan dana KWAN selepas tamatnya Darurat pada 1 Ogos 2021 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kumpulan Wang Amanah Negara (atau KWAN) yang telah diguna pakai sehingga kini adalah sebanyak RM3.3 bilion bagi menampung keperluan bayaran perolehan vaksin dan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Bagi tempoh 1 Ogos hingga 31 Oktober 2021 sejumlah RM2 bilion dari RM3.3 bilion telah dibelanjakan dengan pecahan seperti berikut:

- Perolehan vaksin sebanyak RM1.6 bilion; dan
- Perbelanjaan PICK yang merangkumi barangan pakai habis seperti consumables dan diluent, penyumberluaran kepada pengamal perubatan swasta, bayaran suguhati sukarelawan serta perkhidmatan logistik sebanyak RM400 juta.

Kerajaan juga bercadang untuk meningkatkan had penggunaan dana KWAN dari RM5 bilion kepada RM6 bilion, antaranya bagi memastikan kesinambungan perolehan vaksin secara berterusan serta meneruskan pemberian vaksin kepada kanak-kanak berusia 5 tahun hingga 12 tahun yang akan dilaksana kelak. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai projek-projek rundingan terus bernilai lebih daripada RM100 juta yang diluluskan sejak 01 Februari 2020 sehingga sekarang serta deskripsi projek-projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan lima (5) prinsip utama iaitu persaingan terbuka, akauntabiliti awam, ketelusan, nilai faedah terbaik serta adil dan saksama seperti yang digariskan oleh peraturan dan tatacara di dalam Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan. Kerajaan telah menetapkan bahawa semua perolehan yang hendak dilaksanakan secara rundingan terus perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum ianya boleh diteruskan oleh Kementerian/Agensi.

Semua permohonan yang dikemukakan akan dinilai dan diteliti secara menyeluruh daripada pelbagai aspek bagi memastikan kelulusan rundingan terus yang diberikan tetap melindungi kepentingan Kerajaan serta tidak menjejaskan kerancangan perkembangan ekonomi. Kerajaan juga melaksanakan *due diligence* yang sewajarnya bagi memastikan hanya projek yang benar-benar memenuhi kriteria tersebut boleh dipertimbangkan.

Kerajaan telah menetapkan 5 kriteria bagi pertimbangan perolehan secara rundingan terus iaitu melibatkan kesegeraan atas kepentingan awam, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan/perkhidmatan (pembuat/pemegang francais), melibatkan keselamatan/strategik atau kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera sepertimana yang dinyatakan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PP/PK7.15: Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus.

Seterusnya, MOF sedang mengkaji semula paparan senarai pengecualian kaedah perolehan secara rundingan terus di Portal MyProcurement.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senaraikan Penasihat-Penasihat Perdana Menteri yang telah dilantik oleh Perdana Menteri Ke-9 dengan dinyatakan tugas dan tanggungjawab serta gaji, elaun atau faedah-faedah yang dinikmati dalam pelantikan tersebut.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Buat masa ini, hanya terdapat 3 orang Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri iaitu:
 - i. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Undang-undang dan Hak Asasi Manusia);
 - ii. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Agama); dan
 - iii. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Kesihatan) – (masih dalam proses pelantikan).
2. Bidang tugas Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia) secara amnya adalah bertanggungjawab memberi cadangan serta menyelaras isu-isu perundangan bersama pakar-pakar perundangan termasuk mana-mana organisasi atau individu yang berkepentingan. Gaji bulanan bagi Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Undang-undang dan Hak Asasi Manusia) adalah sebanyak RM27,227.20.
3. Bidang tugas Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Agama) secara amnya adalah bertanggungjawab memberi cadangan serta menyelaras isu-isu berkaitan pengurusan hal ehwal Islam, pemerkasaan peundangan, pendidikan dan pentadbiran hal ehwal Islam. Gaji bulanan bagi Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Agama) adalah sebanyak RM21,500.00. Kedua-dua Penasihat Khas ini juga ditawarkan beberapa kemudahan lain seperti kemudahan telefon bimbit, kenderaan, pemandu dan pejabat.
4. Manakala bidang tugas dan gaji bagi Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri (Kesihatan) masih belum dimuktamadkan kerana masih di dalam proses perlantikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah terdapat ramai guru dari Sarawak yang berkhidmat di sekolah Semenanjung Malaysia menghadapi masalah untuk dipindah balik ke Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil. 7/2021: Pelaksanaan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional pada 23 September 2021 menggantikan SPI Bil. 3/75: Panduan Bagi Pertukaran Guru-Guru dan SPI Bil. 1/1978: Tarikh Bagi Pertukaran Guru-Guru. SPI tersebut turut menyertakan Garis Panduan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional sebagai rujukan kepada Pengetua/Guru Besar dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat di sekolah dan kolej vokasional bawah KPM untuk memastikan urusan pertukaran PPP dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada garis panduan tersebut, KPM telah menetapkan tiga prinsip asas pertukaran iaitu kekosongan jawatan, keperluan opsyen serta kepentingan dan keperluan perkhidmatan. Dalam hal ini, permohonan pertukaran boleh dibuat berdasarkan kepada beberapa kategori iaitu:

- a. Kategori kesihatan
- b. Kategori keselamatan
- c. Kategori mengikut pasangan; dan
- d. Kategori lain-lain.

Oleh yang demikian, pertimbangan permohonan pertukaran guru dibuat berdasarkan kepada prinsip asas dan kategori permohonan yang telah ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah punca utama menyebabkan permohonan kewarganegaraan ditangguhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Setiap permohonan kewarganegaraan akan diteliti secara terperinci tertakluk kepada fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan dan ia diproses mengikut giliran yang sewajarnya sebelum sebarang keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan dan fakta kes. Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang melaksanakan tindakan segera secara berperingkat terhadap semua permohonan kewarganegaraan yang diterima dan sentiasa berusaha untuk memudahcara permohonan berkenaan selagi ia selaras dengan perundangan yang berkuatkuasa.